



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



## **GARIS PANDUAN PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN KOMPUTER**

Secara umumnya, cara penggunaan, penjagaan dan penyimpanan komputer desktop/komputer riba sama ada sewaan atau aset alih adalah sama seperti tatacara penggunaan aset alih Kerajaan seperti yang termaktub dalam Pekeliling Perbendaharaan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

### **PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN SEMASA DI PEJABAT :**

1. Komputer desktop/komputer riba hendaklah sentiasa berada di bawah kawalan dan pengawasan Pegawai Kerajaan yang dipertanggungjawabkan.
2. Komputer riba yang tidak digunakan dalam tempoh masa yang lama tidak digalakkan diletakkan di atas meja sebaliknya hendaklah disimpan di dalam almari/kabinet besi yang berkunci.
3. Komputer riba tidak boleh dibiarkan terletak di tempat yang terdedah kepada umum tanpa dikunci.

### **PENJAGAAN DAN PENYIMPANAN SEMASA DI RUMAH ATAU LUAR PEJABAT :**

1. Komputer riba hendaklah disimpan di dalam almari yang berkunci.
2. Komputer riba yang setelah digunakan tidak boleh dibiarkan terletak di ruang tamu, di atas meja makan, di tepi tingkap, di tepi pintu atau mana-mana lokasi yang mudah dicapai.
3. Semasa meninggalkan rumah, tempat penginapan dan sebagainya, pengguna hendaklah memastikan bilik serta premis di mana komputer riba disimpan berada dalam keadaan berkunci dan selamat.

### **PENJAGAAN SEMASA MENGHADIRI KURSUS/SEMINAR/BENGGEL/LATIHAN :**

1. Sepanjang menghadiri kursus/seminar/bengkel/latihan, komputer riba mestilah sentiasa di bawah kawalan sepenuhnya Pegawai Kerajaan.
2. Komputer riba yang ditinggalkan di dalam bilik kursus/seminar/bengkel/latihan dan jika berlaku kehilangan ianya adalah di bawah tanggungjawab Pegawai Kerajaan berkenaan.

### **PENJAGAAN SEMASA DI DALAM KENDERAAN :**

1. Komputer riba tidak boleh ditinggalkan di dalam kenderaan tanpa pengawasan.
2. Jika Pegawai Kerajaan meninggalkan kenderaan tanpa membawa bersama, komputer riba mestilah disimpan di dalam boot penyimpanan motokar yang berkunci.
3. Komputer riba yang dibawa dengan kenderaan lain seperti motosikal hendaklah diletakkan di dalam bekas khas yang sentiasa selamat dan berkunci.
4. Komputer riba hendaklah sentiasa dilindungi dari unsur-unsur kecurian, terkena air (hujan, banjir dan sebagainya) atau dari haba tinggi (panas terik matahari).

**UTM, PMK  
VERSI 1.0 2023**